

RAHSIA ALTCOIN

Panduan Asas 6 ALTCOIN Yang Terunggul

RAHSIA 6 ALTCOIN


eBook

Azizi Ali

MBA ChFC IFP

Dapatkan petunjuk dan bimbingan secara
peribadi daripada Mentor Jutawan #1 Malaysia.

Sertai program Inner Circle sekarang!



www.InnerCircle.my

Diterbitkan oleh True Wealth Sdn Bhd
Tel: 03-7805 4051
Emel: info.tw@MillionairesPlanet.com
Laman Web: www.RahsiaAltcoin.com

Hak cipta © 2020 oleh Azizi Ali

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Edisi Pertama

10 9 8 7 6 5 4 3 2
22 21 20

Buku ini dihasilkan untuk memberi pengajaran dan menyalurkan maklumat umum mengenai subjek yang dibincangkan. Ia tidak boleh dianggap sebagai mengandungi nasihat kewangan, pelaburan, sekuriti atau perakuan sekuriti.

Segala strategi yang digariskan dalam buku ini mungkin tidak sesuai bagi individu dan tiada jaminan dikeluarkan untuk menghasilkan satu keputusan.

Tiada jaminan dibuat berkenaan ketepatan atau kesempurnaan maklumat yang terkandung di dalam buku ini. Penulis dan penerbit secara khusus tidak bertanggungjawab terhadap apa jua liabiliti, kerugian atas risiko, peribadi mahupun sebaliknya, yang berlaku akibat, secara langsung atau tidak langsung.

AZIZI ALI

RAHSIA ALTCOIN

RAHSIA 6 ALTCOIN

**PANDUAN ASAS 6
CRYPTOCURRENCY TERPILIH**

RAHSIA 6 ALTCOIN

KANDUNGAN

TOPIK	MUKASURAT
RAHSIA ETHEREUM	6
RAHSIA BNB	10
RAHSIA XRP	14
RAHSIA BAT	19
RAHSIA NEXO	22
RAHSIA MONERO	25
TENTANG PENULIS	28

RAHSIA ETHEREUM

1. Apakah itu Ethereum?

Ethereum ialah *blockchain* yang membolehkan pengguna melaksanakan *smart contract* (kontrak pintar) dan mencipta *decentralized application* (dApps) di platformnya.

Ether (ETH) pula merupakan *cryptocurrency* yang dihasilkan oleh platform Ethereum sebagai ganjaran kepada *miner*. Ianya merupakan satu-satunya *cryptocurrency* yang diterima sebagai bayaran transaksi di Ethereum. (Dan untuk mengelirukan situasi, *cryptocurrency* Ether itu sering dipanggil sebagai Ethereum juga!)

Ethereum ialah *cryptocurrency* yang kedua popular selepas Bitcoin dengan nilai pasaran melebihi \$23 bilion semasa buku ini diterbitkan.

2. Sejarah


Ethereum dicadangkan pada hujung tahun 2013 oleh Vitalik Buterin, seorang penyelidik *cryptocurrency*, *programmer* dan *co-founder* Bitcoin Magazine. Beliau seorang rakyat Kanada dan yang lebih menariknya, hanya berumur 19 tahun pada tahun 2013! (Apa yang anda lakukan semasa berumur 19 tahun?) Pembangunan Ethereum dibiayai melalui IPO yang berlangsung pada bulan Julai dan Ogos 2014. Dana berjumlah \$18.4 juta telah dikutip daripada IPO tersebut.

Rangkaian Ethereum mula berfungsi pada 30 Julai 2015 dengan 72 juta ETH yang telah *dipre-mined*.

Sepertimana Bitcoin, nilai ETH juga rendah pada awalnya. Nilainya berkisar antara \$2 dan \$3 sepanjang tahun 2015, naik kepada \$20 pada tahun 2016 dan kemudiannya jatuh ke paras \$8 pada hujung tahun tersebut.

Tahun 2017 merupakan tahun bersejarah dalam dunia *crypto* kerana nilai kebanyakan coin telah meroket. Dan nilai ETH turut sama meroket, mencapai harga \$840 sebelum ditutup pada harga \$740 pada hujung tahun. Nilai ETH terus naik pada tahun berikutnya apabila ianya mencecah paras tertinggi \$1,360 pada awal 2018.

Dan sepertimana kebanyakan *crypto* yang jatuh nilai pada tahun 2018, nilai ETH turut jatuh, mencapai harga \$117 pada bulan November.



Grafik 1: Carta ETH

Pada tahun 2016, satu DAO (*Decentralized Autonomous Organization*) telah berjaya mengutip \$150 juta dalam IPO untuk mengusahakan *smart contract* di platform Ethereum. Bahagian itu bagus. Bahagian cerita yang tidak bagusnya ialah DAO tersebut telah digodam pada bulan Jun pada tahun yang sama yang melibatkan kehilangan Ether bernilai \$50 juta! Insiden ini telah mencetuskan salah faham yang kronik dalam komuniti crypto mengenai sama ada Ethereum harus melakukan *hard fork* untuk mengembalikan dana yang dicuri itu. Akibat pertikaian ini, rangkaian Ethereum berpecah dua: Ethereum (ETH) diteruskan pada blok yang telah di-*forked*, manakala Ethereum Classic (ETC) diteruskan pada blok asal.

Berbalik kepada cerita asal, apabila Ethereum dilancarkan pada tahun 2015, ia telah memberi peluang kepada para *developer* untuk melancarkan *Decentralized Application* (dApps) mereka sendiri dengan cepat dan mudah. *Developer* tidak perlu mencipta dApps dari mula; mereka boleh mempercepatkan prosesnya dengan ketara dengan menggunakan *blockchain* Ethereum. Peluang ini disambut dengan rakus oleh *developer*: hasilnya ribuan dApps baru telah dilancarkan! Malah, banyak ICO telah dilancarkan pada waktu ini untuk mengutip dana untuk melancarkan dApps-dApps baru ini. Dana yang kutip pula, bukan sedikit, tuan-tuan dan puan-puan; jumlahnya masuk berbilion-bilion dolar!

Ethereum amat berjaya sehinggakan pada bulan April 2019, lebih 181,000 token wujud di *blockchain*nya. Malah, nilai token yang menggunakan platform Ethereum telah melebihi 90 peratus daripada nilai pasaran *cryptocurrency* pada satu ketika!

Komuniti Ethereum pula merupakan komuniti *blockchain* yang terbesar dan paling aktif di dunia! Ia termasuk pemaju protokol utama, penyelidik ekonomi *crypto*, *cypherpunks*, organisasi perlombongan, pelabur ETH, *developer* aplikasi, pengguna biasa, anarkis dan malah syarikat di Fortune 500!

Berikut adalah antara dApps yang wujud di platform Ethereum:

- *Wallet cryptocurrency*.
- Aplikasi kewangan yang membolehkan anda meminjam, memberi pinjaman atau melabur aset digital anda.
- *Decentralized exchange* yang membolehkan anda berdagang aset digital.
- *Games* yang membolehkan anda memiliki aset dan menjana wang.

3. Poin menarik

- Buat masa ini, ETH menggunakan sistem POW. Tetapi ianya akan berhijrah kepada sistem POS tidak lama lagi (dikatakan pada tahun 2020 ini).
- Waktu pengesahan bloknnya ialah 5 saat, berbanding dengan 10 minit untuk Bitcoin.
- Perlombongan menjana coin Ether yang baru berlaku pada kadar konsisten manakala kadarnya berkurangan setiap empat tahun untuk Bitcoin.
- ETH menggunakan algoritma Ethash yang mengurangkan kelebihan cip ASIC dalam *mining*.
- Jumlah pengguna Ethereum pada bulan Disember 2019 dianggarkan seramai 50 juta orang.

4. Prospek pada masa depan

Salah satu poin yang amat positif tentang Ethereum ialah pasukan *developernya* tidak duduk goyang kaki sahaja. Malah mereka begitu pro-aktif untuk memperbaiki dan memajukan *cryptocurrency* ini. *Crypto* ini sekarang di dalam proses untuk meningkatkan rangkaianannya ke Ethereum 2.0 yang merangkumi Sharding, berhijrah kepada sistem POS dan *virtual machine* yang baru. Proses-proses ini akan dilakukan secara berperingkat, bermula pada tahun 2020 hingga 2021.

Semua ini akan memperbaiki dan menaik taraf *coin* ini, menjadikannya lebih canggih, berguna dan seterusnya naik nilai.

Besar kemungkinan yang Ethereum akan mengambil alih tempat Bitcoin sebagai *cryptocurrency* yang paling popular serta mempunyai nilai pasaran yang tertinggi dalam masa beberapa tahun sahaja lagi.

5. Statistik ETH (pada 12 Mei 2020)

Harga	\$190.89
ROI	6,640%
Rank Pasaran	#2
Nilai Pasaran	\$21,168,765,007
Circulating Supply	110,897,234 ETH
Total Supply	110,897,234 ETH
Max Supply	Tiada data
Harga Tertinggi	\$1,432.88 pada Jan 13, 2018
Harga Terendah	\$0.420897 pada Oct 21, 2015
Laman Web	ethereum.org

RAHSIA BNB

1. Apakah itu Binance Coin (BNB)?

Binance (BNB) adalah *coin* yang diperdagangkan dan digunakan di Binance Exchange. Sejak pelancarannya pada tahun 2017, nilai BNB telah meningkat dengan ketara sehinggakan ianya kini merupakan antara 10 *cryptocurrency* utama di dunia. BNB juga boleh digunakan sebagai mata wang untuk membeli hadiah maya, untuk membeli-belah dengan menggunakan kad kredit dan membayar perbelanjaan perjalanan (seperti tempahan hotel dan tiket penerbangan).

Binance Exchange pula merupakan *exchange* yang terbesar di dunia dari segi jumlah dagangan.

2. Sejarah

Binance Exchange dilancarkan pada bulan Julai 2017 berikutan kutipan wang \$15 juta daripada ICO. IPO tersebut juga membawa kepada penciptaan Binance Coin yang beroperasi sebagai token ERC-20 di *blockchain* Ethereum.

Seperti yang disebut sebelum ini, Binance Exchange merupakan *exchange* yang terbesar di dunia dari segi jumlah dagangan. Pencapaian ini adalah amat hebat sekali kerana ia mencapai tahap itu dalam masa hanya setahun selepas pelancarannya!

Berikut adalah beberapa sebab mengapa Binance Exchange begitu popular:

- Enjin padanan pertukaran (*matching engine*) Binance mampu memproses 1.4 juta pesanan setiap saat, menjadikannya salah satu *exchange* yang ter pantas dalam pasaran.
- Ia berfungsi di semua bentuk peranti, termasuk web, Android, WeChat, dan HTML5.
- Ia menawarkan sokongan dalam pelbagai bahasa termasuklah bahasa Inggeris, Cina, Korea, Rusia, Sepanyol dan Jepun.
- Senarai Altcoin yang banyak di platformnya.
- Perkhidmatan yang profesional dan telus.
- Perkhidmatan sokongan yang sangat baik.
- *Interface* platform yang menarik dan mesra pengguna.
- Fi yang rendah.

Ketua Pegawai Eksekutif Binance Changpeng Zhao (yang lebih dikenali sebagai CZ) adalah salah seorang daripada personaliti dunia *crypto* yang dihormati kerana beliau berterus-terang serta menunjukkan standard integriti yang tinggi.

Salah satu poin yang menarik tentang BNB Coin pula ialah *coin burning*.

Coin burning adalah proses memusnahkan sejumlah coin daripada bekalan dan peredaran. Tujuan *coin burning* adalah untuk mengurangkan jumlah bekalan sesuatu *coin* yang akan membuatnya lebih berharga (sekurang-kurangnya dalam teori!).

Jadi Binance akan menggunakan keuntungan mereka pada setiap suku tahun untuk membeli balik sebahagian daripada BNB Coin yang berada dalam pasaran, dan akan memusnahkan *coin* tersebut. Proses *coin burning* BNB ini dijadualkan berlangsung pada setiap suku tahun sehingga 100,000,000 BNB musnah. Angka ini mewakili 50% daripada jumlah BNB yang diterbitkan (200,000,000 BNB).

Berikut ialah pernyataan yang dikeluarkan oleh pihak Binance sendiri:

“Setiap suku tahun, kami akan menggunakan 20% daripada keuntungan kami untuk membeli balik BNB dan memusnahkan mereka, sehingga kita membeli 50% daripada semua BNB (100 juta). Semua urusan niaga beli balik ini akan diumumkan di blockchain. Pada akhirnya, kami akan memusnahkan 100 juta BNB, meninggalkan 100 juta BNB.”

Binance telah melaksanakan *coin burning* BNB kali kesepuluh pada 18 Januari 2020. Jumlah *coin* yang dimusnahkan adalah 2,216,888 BNB yang bernilai \$38.8 juta – jumlah kedua tertinggi dalam sejarah Binance.

Setakat tarikh tersebut, Binance telah memusnahkan sebanyak 16,742,041 BNB, yang mewakili 8.37% daripada jumlah bekalan (kini pada 183,257,937).



Grafik 2: Carta BNB Coin

3. Poin menarik

- BNB Coin telah berhijrah daripada *blockchain* Ethereum kepada Binance Chain pada bulan April 2019.
- Launchpad Binance mengendalikan sistem loteri. Jumlah bilangan tiket loteri yang boleh dipegang oleh pemilik BNB bergantung kepada jumlah *coin* yang mereka miliki dalam akaun Binance mereka selama tempoh 20 hari.
- Exchange Binance telah digodam pada bulan Mei 2019 dan sipenggodam telah berjaya mencuri *coin* bernilai \$40 juta. Walau bagaimanapun pelabur tidak rugi apa-apa kerana Binance menampung kesemua kerugian ini dengan menggunakan dana keselamatan mereka. Binance juga telah memperbaiki dan memperketatkan sistem di *exchange* mereka selepas insiden ini.
- Binance mempunyai lebih 20 juta pengguna, dan jualan tahunan yang melebihi \$1 bilion! Angka-angka ini bermakna BNB adalah jauh lebih teguh daripada 98% *cryptocurrency* lain!

4. Prospek pada masa depan

Binance Exchange terus-menerus berinovasi dengan membawa produk baru ke pasaran serta pilihan baru untuk menjual beli *cryptocurrency* ke semua penjuru dunia. Sebagai contoh, Binance baru-baru ini telah memberi akses kepada pengguna di lima buah negara lagi untuk membeli *coin* dengan menggunakan kad kredit mereka. Dan berita yang lebih menariknya ialah, teng! teng! teng!, kita sekarang boleh menggunakan RM untuk membeli *coin* di Binance!

Pihak pengurusan juga telah melabur di dalam WazirX Exchange yang berpangkalan di India pada bulan November 2019. Dan oleh kerana mahkamah tertinggi India telah membatalkan keputusan bank pusat negara itu melarang operasi *exchange cryptocurrency* pada bulan Mac 2020, ini bermakna *cryptocurrency* kini boleh didagangkan di India, yang merupakan negara kelima terkaya di dunia. Ini pasti akan membuat dagangan *crypto* di negara itu boom.

Baru-baru ini juga, Binance telah membeli CoinMarketCap (CMC), sebuah *data site* yang amat popular. (CMC memegang ranking #570 dalam senarai laman web yang paling popular di dunia. Fakta ini tidak menghairankan saya kerana saya log masuk ke *site* tersebut setiap hari!) Semua ini bermakna prospek untuk kenaikan nilai BNB adalah tinggi.

5. Statistik BNB (pada 12 Mei 2020)

Harga	\$16.05
ROI	>9,000%
Rank Pasaran	#8
Nilai Pasaran	\$2,497,130,603
Circulating Supply	155,536,713 BNB
Total Supply	187,536,713 BNB
Max Supply	187,536,713 BNB
Harga Tertinggi	\$39.57 pada Jun 22, 2019
Harga Terendah	\$0.096109 pada Aug 01, 2017
Laman Web	binance.com

RAHSIA XRP

1. Apakah itu XRP?

Kita bermula dengan Lejar XRP dulu.

Lejar XRP adalah satu lejar kriptografi dan *decentralized* yang dikuasai oleh rangkaian *peer-to-peer*, sepertimana *blockchain* Ethereum dan Bitcoin.

Lejar XRP juga menjadi host kepada XRP, aset digital yang direka cipta untuk menjambatani kegunaan mata wang-mata wang yang berbeza di dunia.

Sesiapa yang mempunyai kunci kriptografi dan akses internet boleh menerima, memegang, dan menghantar XRP kepada orang lain.

2. Sejarah

Bank Federal Reserve, Institute of International Finance dan World Trade Organization menganggarkan bahawa infrastruktur pembayaran dunia semasa sekarang ini bernilai \$1.6 trilion. Malangnya, proses yang wujud sekarang ini adalah sangat perlahan, dengan pembayaran mengambil antara tiga hingga lima hari untuk diselesaikan. Dan untuk membuat keadaannya menjadi lebih teruk, kadar kegagalannya juga tinggi.

Jadi Ripple pun diperkenalkan sebagai tindak balas kepada masalah ini kerana ianya mempercepatkan proses pembayaran, kos efektif dan boleh dipercayai. Syarikat ini dilancarkan pada tahun 2012 dan kini merupakan satu-satunya syarikat *blockchain* yang mempunyai produk dalam kegunaan komersil.

Syarikat ini juga berbeza dengan majoriti *cryptocurrency* lain kerana ia bekerjasama dengan pengawal selia, kerajaan dan bank pusat, dan bukan sebagai seteru mereka, dalam usaha untuk memperbaiki cara dunia menggerakkan wang.

RippleNet ialah rangkaian di belakang Ripple. Ia menghubungkan pembekal pembayaran, bank, syarikat, dan exchange aset digital. Ia membolehkan pelanggan menghantar dan menerima wang di seluruh dunia dengan cepat, murah, efektif serta efisien.

Berikut adalah antara kelebihan XRP:

- Sambungan ke seluruh rangkaian pembayaran.
- *Settlement* kewangan secara segera.
- Kebolehan mengesan dana secara *real-time*.
- Kos operasi yang rendah.

Sebagai contoh, perkhidmatan bank tradisional menggunakan perantara (contohnya SWIFT) untuk memproses pembayaran di luar negara. Proses ini perlahan, mahal dan tidak efisien. Sebaliknya, Ripple membolehkan dua buah bank di negara yang berbeza untuk berhubung dengan satu sama lain tanpa sebarang perantara dengan cepat dan murah.

Dan dengan menggunakan Ripple, bank boleh menawarkan yuran penukaran mata wang dan yuran transaksi yang kompetitif.

Jumlah pelanggan Ripple melebihi 300 institusi kewangan di lebih 40 negara di seluruh dunia. Mereka ini termasuklah:

- Accenture
- Deloitte
- Mitsubishi UFJ Financial Group (MUFG)
- Royal Bank of Canada (RBC)
- Santander
- Shanghai Huarui Bank (SHRB)
- Siam Commercial Bank (SCB)
- Standard Chartered



Grafik 3: Carta XRP

Nota Penting

Dalam masa yang sama, anda perlu tahu yang Ripple dipandang serong oleh ramai peserta dalam dunia *cryptocurrency*. Berikut adalah sebab-sebabnya:

Sebab yang pertama ialah syarikat Ripple, produk perisian *blockchain*, dan Ripple coin (XRP) ialah entiti yang berasingan. Jadi ini bermakna kejayaan syarikat dan/atau *blockchain*nya tidak bermakna XRP juga akan berjaya. Malangnya, ramai pelabur tidak sedar akan poin ini. Mereka mungkin berpendapat nilai XRP akan meroket kerana asyik melihat nama syarikat Ripple di media massa.

Sebab yang keduanya adalah kerana XRP adalah teramat *centralized* (kerana majoriti *validators*nya dikawal oleh syarikat Ripple sendiri). Ini bermakna XRP bertentangan dengan salah satu konsep dan tarikan utama *cryptocurrency* – mata wang yang *decentralized*. Dan oleh sebab XRP adalah teramat *centralized*, ianya adalah senang (*relatively speaking*) untuk dikawal oleh kerajaan Amerika Syarikat. Malah kerajaan negara itu boleh menutup operasi syarikat Ripple pada bila-bila masa sahaja! Malah kerajaan itu boleh memerintahkan syarikat Ripple menghentikan operasinya; maka syarikat itu pun akan ditutup tanpa banyak bicara!

3. Poin menarik

- Algoritma konsensus lejar XRP menyelesaikan transaksi dalam 3 hingga 5 saat sahaja. Sebagai perbandingan, ETH mengambil masa dua minit untuk menyelesaikan, BTC mengambil masa satu jam sementara sistem perbankan tradisional mengambil masa tiga hingga lima hari!
- XRP adalah *scalable*, dan boleh memproses pada tahap maksimum 1,500 transaksi sesaat. Sebagai perbandingan, ETH boleh memproses 15 transaksi sesaat sementara BTC mengendalikan hanya 3 hingga 6 transaksi sesaat.
- Jumlah XRP yang dihadkan kepada 100 bilion unit akan berkurangan dari semasa ke semasa kerana sejumlah kecil dimusnahkan untuk membayar kos transaksi.
- XRP menggunakan tenaga yang sangat sedikit.
- XRP telah memproseskan semua transaksi sejak 2012 tanpa sebarang masalah.

4. Prospek pada masa depan

Ripple dan RippleNet boleh menjadi alat yang sangat berguna untuk bank dan institusi kewangan, serta semua jenis perniagaan. Bank boleh menggunakannya untuk mendapatkan pendapatan baru, sementara pembekal pembayaran boleh mengembangkan jangkauan mereka. Ripple memudahkan pembayaran untuk entiti korporat sementara *exchange* akan mendapat manfaat daripada kenaikan jumlah dagangan.

Bagaimanapun, sama ada semua ini akan menaikkan nilai XRP masih menjadi tanda tanya. Hanya masa akan memberi jawapannya.

5. Statistik XRP (pada 12 Mei 2020)

Harga	\$0.198403
ROI	3,277%
Rank Pasaran	#3
Nilai Pasaran	\$8,752,115,620
Circulating Supply	44,112,853,111 XRP
Total Supply	99,990,976,125 XRP
Max Supply	100,000,000,000 XRP
Harga Tertinggi	\$3.84 pada Jan 04, 2018
Harga Terendah	\$0.002802 pada Jul 07, 2014
Laman Web	ripple.com

RAHSIA BAT

1. Apakah itu BAT?

Pertamanya, BAT bukan kelawar atau singkatan bagi kepada Batman! BAT juga bukan mata wang digital, saham atau komoditi.

Projek BAT diwujudkan untuk menangani penipuan dan kekeliruan dalam pengiklanan digital. Basic Attention Token (BAT) merupakan token utiliti berdasarkan teknologi Ethereum yang boleh digunakan sebagai unit akaun antara pengiklan, penerbit, dan pengguna dalam platform pengiklanan dan perkhidmatan digital berasaskan *blockchain*.

Ekosistem BAT termasuklah Brave browser yang direka untuk menghalang *tracker* dan *malware*. Ia menggunakan teknologi *blockchain* secara *anonymous* untuk menjejaki perhatian pengguna dengan selamat dan memberi ganjaran sewajarnya kepada penerbit.

2. Sejarah

Jika anda tahu bagaimana data anda di(salah)gunakan oleh laman media termasuk Facebook dan Goggle, anda akan terkejut badak dan seram sejuk dalam masa yang sama! Lihat sahaja fakta-fakta berikut:

- Hampir 50% daripada data pengguna digunakan oleh iklan dan *tracker* (bernilai purata \$23 sebulan).
- Iklan menggunakan kira-kira 5 saat masa mudah alih telefon bimbit.
- Iklan mengurangkan hayat bateri telefon bimbit sebanyak 21%.
- Tapak-tapak media yang popular menjadi *host* sehingga 70 *tracker* yang sudah tentu mencabuli privasi anda!

Apa yang lebih menakutkan ialah semua poin di atas hanyalah puncak kecil gunung yang tersergam (*as the English proverb goes, it is just the tip of the iceberg*)! Cerita sepenuhnya adalah lebih panjang dan malah, amat menggerunkan!

Satu jawapan untuk mengelakkan semua ini ialah berhenti menggunakan internet! Tapi oleh sebab tidak ada siapa yang sanggup atau mahu bertindak demikian, maka kita perlu jawapan lain yang lebih progresif. Dan salah satu jawapan kepada masalah tersebut adalah dengan menggunakan teknologi *blockchain*. Jadi muncullah *blockchain digital*

advertising yang merupakan sebuah *digitalized ad exchange* yang *decentralized* dan telus.

Ini dilakukan dengan kombinasi Brave browser dan BAT.

Brave adalah browser yang pantas, *open source* dan berfokus pada privasi. Ia menyekat iklan, *tracker*, dan mengandungi sistem lejar yang dapat menarik perhatian pengguna untuk memberi ganjaran yang tepat kepada penerbit. Dalam kata lain, Brave browser telah dicipta sebagai cara menyediakan kandungan percuma kepada pengguna di mana kandungan ini dibayar oleh pengiklan yang menerbitkan kandungan di rangkaian. Data pengguna kekal dalam privasi.

Pengguna boleh menderma dan memberikan BAT kepada penyedia kandungan atau pengiklan yang mereka suka. Jadi konsep ini adalah seperti kita memberi tip (dalam bentuk BAT) kepada mereka.

BAT juga boleh digunakan di dalam *network* atau didagangkan di *exchange*.

Jadi dengan menggunakan kombinasi Brave dan BAT, kita melarikan diri daripada pengiklan dan *tracker* serta menuntut semula privasi kita! (Untuk pengetahuan anda, saya sendiri telah berhijrah kepada Brave browser sejak bulan Januari 2020. Dan saya amat gembira dengannya.)



Grafik 4: Carta BAT

3. Poin menarik

- BAT dipimpin oleh Brendan Eich (pencipta JavaScript dan pengasas bersama Mozilla Firefox). Jadi beliau bukan calang-calang orangnya.
- Brendan Eich dan Brian Bondy mengasaskan perisian Brave pada bulan Mei 2015 dan melancarkan Brave browser pada 20 Januari 2016.
- Pelancaran ICO BAT yang bermula pada 31 Mei 2017 telah mengutip 156,250 ETH.
- Brave browser begitu menarik perhatian sehinggakan jumlah penggunanya telah melebihi 10 juta orang sementara jumlah pencipta kandungan pula menghampir 340,000 pada bulan Disember 2019.
- Jualan BAT telah mencecah \$10 juta.

4. Prospek pada masa depan

Saya berpendapat yang jumlah pengguna dan pencipta kandungan akan hanya bertambah pada masa depan apabila lebih ramai orang sedar akan kelebihan Brave dan juga bagaimana data mereka disalahgunakan oleh laman media.

Dalam masa yang sama, pihak *developer* juga sedang berusaha keras untuk memperbaiki Brave, yang hanya akan menambahkan popularitinya.

Ini seterusnya akan membuatkan BAT juga lebih popular dan lebih bernilai.

5. Statistik BAT (pada 12 Mei 2020)

Harga	\$0.203118
ROI	20.74%
Rank Pasaran	#32
Nilai Pasaran	\$296,049,462
Circulating Supply	1,457,527,137 BAT
Total Supply	1,500,000,000 BAT
Max Supply	Tiada data
Harga Tertinggi	\$0.980702 pada Jan 09, 2018
Harga Terendah	\$0.066209 pada Jul 16, 2017
Laman Web	basicattentiontoken.org

RAHSIA NEXO

1. Apakah itu NEXO?

Token NEXO ialah token yang boleh digunakan sebagai cagaran untuk membuat pinjaman dan menerima bayaran dividen berdasarkan pinjaman yang dibuat. Sudah tentu NEXO juga boleh dijual beli sepertimana token yang lain!

Platform Nexo pula ialah platform yang paling berdaya maju dalam industri pinjaman *crypto*, dan merupakan satu-satunya syarikat *blockchain* yang menyediakan perkhidmatannya di dalam 45+ mata wang fiat dan beroperasi di lebih 200 negara.

Jadi Nexo memberikan penggunaanya akses segera kepada wang tunai dan dalam masa yang sama, mereka masih dapat mengekalkan pemilikan aset tersebut.

Dan untuk bagi senang faham (!), platform Nexo bertindak sebagai bank yang memberikan pinjaman. Jumlah pinjaman bergantung kepada token NEXO atau mata wang fiat yang didepositkan di dalam platform Nexo. Dan pemilik mendapat dividen bergantung kepada token NEXO yang didepositkan.

2. Sejarah

Sebenarnya, syarikat Credissimo bukanlah entiti *start-up* sebagaimana kebanyakan entiti *crypto* yang lain. Malah syarikat Credissimo yang mengkhusus dalam pinjaman segera, pembiayaan e-dagang, dan perkhidmatan pembayaran bil sudah lama beroperasi.

Ceritanya bermula pada tahun 2007 apabila empat orang usahawan menubuhkan syarikat Credissimo dengan tujuan untuk memberikan pinjaman dengan cepat dan mudah dengan menggunakan teknologi atas talian. Tiga tahun kemudian, pada tahun 2010, Credissimo melancarkan teknologi canggih yang membolehkan kelulusan kredit hampir-segera yang beroperasi tujuh hari seminggu. Kemudian pada tahun 2013, mereka melancarkan *mobile apps* yang membolehkan mereka memproseskan hingga sejuta permohonan pinjaman.

Credissimo telah disenaraikan dalam bursa saham Bulgaria pada tahun 2014 selepas IPOnya. Walau bagaimanapun, setelah pihak pengurusan menyedari bahawa penyenaraian di bursa saham dan menjadi syarikat awam terlalu membebankan dan mahal tanpa banyak kelebihan, mereka membeli balik semua saham syarikat dan kembali menjadi syarikat persendirian dua tahun kemudian.

Syarikat Credissimo maju selangkah lagi apabila ia memperkenalkan pinjaman segera *crypto* yang menggunakan teknologi *blockchain*. Mereka melancarkan ICO pada tahun 2018 dan mengutip dana berjumlah \$52.5 juta yang hampir semuanya telah digunakan untuk membiayai permintaan kredit pengguna.

Jadi sekarang Credissimo merupakan syarikat terbesar dan *market leader* pinjaman *crypto* di dunia.



Grafik 5: Carta NEXO

3. Poin menarik

- Token NEXO ialah token ERC-20 dan wujud di rangkaian Ethereum.
- Nexo telah memproseskan pinjaman bernilai lebih \$1.5 bilion kepada lebih 550,000 pengguna.
- Aset penggunaannya dibelakangi oleh portfolio *over-collateralized loans* dan setiap pinjaman dijamin oleh insurans bernilai \$100 juta oleh syarikat Lloyd's of London.
- NEXO memberikan pulangan setinggi 8% setahun yang jauh lebih tinggi daripada bank (di bawah 1%!).

- Nexo adalah salah satu daripada beberapa platform yang membolehkan pengguna menerima, menghantar dan membayar dengan *crypto* tanpa fi.
- Jumlah pengguna Nexo pada bulan Disember 2019 dianggarkan 550,000 sementara jualanannya melebihi \$50 juta.

4. Prospek pada masa depan

Pasaran DeFi adalah masih kecil (\$1 bilion pada hujung tahun 2019) berbanding dengan sistem kewangan tradisional. Tetapi peluang dan prospek di dalam DeFi adalah amat besar sekali. Sebesar banjaran Himalaya! Dan sebagai *market leader* dalam industri ini, potensi untuk syarikat Credissimo menjadi lebih besar dan berjaya memang tinggi.

Ini seterusnya akan membuatkan NEXO juga lebih popular dan lebih bernilai.

5. Statistik NEXO (pada 12 Mei 2020)

Harga	\$0.106088
ROI	6.09%
Rank Pasaran	#79
Nilai Pasaran	\$59,409,231
Circulating Supply	560,000,011 NEXO
Total Supply	1,000,000,000 NEXO
Max Supply	Tiada data
Harga Tertinggi	\$0.539466 pada May 07, 2018
Harga Terendah	\$0.043333 pada Sep 12, 2018
Laman Web	nexo.io

RAHSIA MONERO

1. Apakah itu MONERO?

Monero (XMR) ialah *cryptocurrency* yang berkhusus kepada urusan niaga peribadi dan pertahanan daripada *censorship*.

Kebanyakan *cryptocurrency* yang wujud sekarang, termasuklah Bitcoin, Litecoin dan Ethereum, mempunyai *blockchain* yang telus. Jadi semua urusan niaga mereka adalah terbuka dan dapat dilihat dan dikesan oleh sesiapa sahaja yang berminat! Selain itu, alamat yang digunakan untuk menghantar dan menerima transaksi berpotensi menjadi pautan kepada identiti sebenar seseorang. Jadi *cryptocurrency* sebegini tidaklah begitu sulit.

Monero berlainan kerana ianya menggunakan kriptografi untuk melindungi alamat penghantaran dan penerimaan, serta jumlah urusan niaga. Tidak ada orang yang dapat melihat baki atau transaksi orang lain. Jadi Monero adalah *cryptocurrency* peribadi, selamat, dan tidak dapat dikesan. Dengan Monero, anda mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap dana dan privasi anda.

2. Sejarah

Pada tahun 2014, seorang pengguna forum Bitcointalk yang menggunakan nama kod 'thankful_for_today' telah mencipta satu *coin* baru yang dipanggilnya BitMonero. Coin ini adalah hasil *fork* daripada pangkalan data Bytecoin.

Bagaimanapun, sambutan terhadap BitMonero tidak begitu menggalakkan, termasuklah daripada komuniti yang pada mulanya menyokongnya. Pengasasnya kemudian telah mencadangkan beberapa perubahan yang dianggap kontroversial dan tidak persetujuan oleh komuniti BitMonero. Perselisihan faham berlaku antara kedua-dua belah pihak (ya, serupa dengan apa yang berlaku di Ethereum!). Sekumpulan pengguna yang diketuai oleh Johnny Mnemonic memutuskan supaya projek itu diambil alih oleh komuniti. Majoriti bersetuju lalu komuniti pun mengambil alih teraju *coin* tersebut tidak lama kemudian. Mereka menukar nama *coin* itu kepada Monero sementara 'thankful_for_today' terus menghilangkan diri (ya, serupa dengan apa yang berlaku di Bitcoin!).

Komuniti dan pasukan teras Monero telah membuat beberapa penambahbaikan penting sejak *coin* itu dilancarkan. Ini termasuklah penghijrahan *blockchain*nya ke struktur

pangkalan data yang berbeza untuk memberikan efisiensi dan fleksibiliti yang lebih besar dan pelaksanaan RingCT untuk menyembunyikan jumlah urus niaga. Penambahbaikan ini telah meningkatkan tahap keselamatan dan privasi, dan juga telah memudahkan penggunaan.

Monero beroperasi dengan matlamat privasi dan keselamatan yang pertama, kemudahan penggunaan dan kecekapan kedua.



Grafik 6: Carta Monero

3. Poin menarik

- Setiap transaksi Monero menyembunyikan alamat penghantar dan penerima serta jumlah urus niaga.
- Lebih 500 *developer* telah menyumbang kepada projek Monero, termasuk 30 *developer* utama.
- Monero menggunakan RandomX, sebuah algoritma POW yang dicipta oleh ahli komuniti Monero sendiri. RandomX adalah mesra-CPU dan ASIC-resistant. Jadi para *miner* tidak memerlukan perkakas yang mahal-mahal untuk melombong XMR.

- Blok XMR dicipta setiap 2 minit. Monero tidak mempunyai had saiz blok. Sebaliknya, saiz blok boleh meningkat atau berkurang dari semasa ke semasa berdasarkan permintaan.

4. Prospek pada masa depan

Besar kemungkinan yang beberapa agensi kerajaan dan malah kerajaan beberapa negara tertentu akan berasa tergugat apabila melihat kejatuhan mata wang negara mereka. Dan oleh kerana mereka tidak gembira melihat semua kejadian ini, mereka mungkin akan bertindak dengan lebih ganas. Ini termasuklah melaksanakan *capital control* serta memeriksa setiap penggunaan *cryptocurrency* dan pengguna-penggunanya.

Jika dan bila ini berlaku, maka lebih ramailah orang akan menggunakan *cryptocurrency* peribadi seperti Monero yang seterusnya akan membuatnya lebih popular dan lebih bernilai.

5. Statistik Monero (pada 12 Mei 2020)

Harga	\$61.57
ROI	2,389.10%
Rank Pasaran	#16
Nilai Pasaran	\$1,081,069,536
Circulating Supply	17,557,427 XMR
Total Supply	17,557,427 XMR
Max Supply	Tiada data
Harga Tertinggi	\$495.84 pada Jan 07, 2018
Harga Terendah	\$0.212967 pada Jan 14, 2015
Laman Web	getmonero.org

TENTANG PENULIS

Azizi Ali merupakan penulis, penceramah dan mentor kewangan #1 di Malaysia.

Buku pertama beliau, *Jutawan Dari Planet Jupiter* telah mengubah senario percetakan di Malaysia. Ianya telah terjual melebihi 300,000 naskhah dan menjadi penggerak kepada seminar dan buku kewangan di Malaysia. Sejak itu, Azizi telah menulis lebih daripada 35 buah buku berkenaan kewangan dan penciptaan kekayaan. Tajuk-tajuk buku beliau yang laris di pasaran ialah *Bagaimana Hendak Menjadi Jutawan Hartanah*, *Lahirnya Seorang Jutawan*, *Pesara Jutawan*, *Masa Untuk Emas*, *Maharaja Wang* dan *Rahsia Bitcoin*. Buku beliau turut diterbitkan di Indonesia dan juga Brazil. Buku-buku beliau juga dijual dalam bentuk eBook di Amazon.com.

Beliau telah memberi ceramah di hadapan lebih 500,000 peserta seminar dan kerap muncul di media massa. Antara organisasi yang telah menjemput beliau ialah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti, LHDN, KWSP, CIMB, Eco-World, Tabung Haji dan Petronas.


Azizi merupakan pemegang Chartered Financial Consultant (ChFC), Islamic Financial Planner (IFP) dan juga memegang Ijazah Sarjana (MBA) dari University of Bath, UK.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang Bitcoin,
sila log masuk ke laman web:



www.RahsiaBitcoin.my

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang pelaburan emas,
sila log masuk ke laman web:



www.RahsiaEmas.com

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang bisnes emas,
sila log masuk ke laman web:



www.RahsiaSuratPajak.com

Dapatkan petunjuk dan bimbingan secara
peribadi daripada Mentor Jutawan #1 Malaysia.
Sertai program Inner Circle sekarang!



www.InnerCircle.my

Sila layari www.BookPlanet.com.my untuk senarai penuh
buku-buku yang dapat membantu anda mencapai impian anda



www.BookPlanet.com.my